



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING MAJIKAN BIL. 7/95

**TARIKH PENERIMAAN BORANG-BORANG TUNTUTAN BAYARAN BALIK KOS
LATIHAN YANG DIBENARKAN BAGI PENUTUPAN AKAUN 1995**

1. OBJEKTIF

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan memaklumkan majikan-majikan yang mendaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia mengenai tarikh akhir penerimaan borang-borang tuntutan bayaran balik kos latihan yang dibenarkan bagi tahun 1995.

2. TARIKH AKHIR PENERIMAAN TUNTUTAN

- 2.1 Oleh kerana akaun Majlis Pembangunan Sumber Manusia tahun 1995 akan ditutup pada 31 Disember 1995, semua majikan yang mendaftar dengan Majlis adalah diperingatkan supaya mengemukakan semua tuntutan balik kos latihan yang dibenarkan dengan lengkap bagi latihan/kursus yang telah dijalankan dalam tahun 1995. Majlis telah menetapkan bahawa tarikh akhir penerimaan tuntutan balik kos latihan yang dibenarkan ialah 24 Disember 1995 termasuk semua tuntutan yang telah dikuiiri sebelum ini. Walau bagaimanapun, semua majikan adalah diminta mengemukakan semua tuntutan dengan secepat mungkin supaya ianya dapat dijelaskan daripada levi tahun 1994 yang dibawa ke tahun semasa. Ini adalah memandangkan levi tahun 1994 yang tidak dapat habis digunakan dan di bawa ke tahun 1995 tidak akan dibenarkan dibawa ke tahun 1996.
- 2.2 Bagi program/kursus yang akan tamat pada akhir tahun ini dan tidak sempat dikemukakan ke Urusetia Majlis untuk diterima pada 24 Disember 1995, majikan adalah dibenarkan sehingga 30 Jun 1996 untuk berbuat demikian.

3. PENUTUP

- 3.1 Kerjasama para majikan dalam melaksanakan Pekeliling Majikan ini adalah sangat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(YAU DE PIYAU)
Ketua Pengarah,
Majlis Pembangunan Sumber Manusia.

